

TR 2:9:75

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MERASMIKAN KOMPLEK RADIO TALIVISYEN MALAYSIA DI MIRI, SARAWAK PADA 2HB SEPTEMBER, 1975

Y.A.B. Datuk Abdul Rahman, Ketua Menteri Sarawak, Y.B. Datuk Abdul Taib Mahmud, Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Beberapa hari yang lalu iaitu sehari sebelum kita merayakan Hari Kebangsaan, saya telah melancarkan perkhidmatan talivisyen ke seluruh negara yang menghubungkan Sarawak, Sabah dan juga Semenanjung Malaysia. Peristiwa tersebut memberi makna yang besar terutama kepada Sarawak yang mendapat siaran Talivisyen dan juga menandakan setapak lagi kemajuan dalam bidang penyiaran negara kita.

Hari ini, di Miri, saya berpeluang pula menyertai upacara merasmikan Komplek Radio/TV yang menandakan satu lagi kemajuan di Negeri Sarawak—sebuah negeri yang mempunyai keupayaan yang tersendiri dalam menghadapi masa depannya yang cerah dan penuh harapan.

Saudara-saudara sekalian,

Sukalah saya mengucapkan tahniah kepada semua yang berkenaan atas kejayaan mereka menyiapkan kompleks ini yang berarti bahawa rangka penyiaran di Sarawak akan lebih luas dan memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dari masa yang sudah-sudah.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, penyiaran adalah memainkan peranan yang amat penting dalam usaha kita mencapai matlamat membina masyarakat yang berpengetahuan dan bertanggungjawab serta bersatu padu. Melalui radio dan talivisyen kita dapat menyebarkan berita-berita dan penerangan berkenaan kemajuan dan pembangunan ke seluruh negara. Lebih-lebih pula dalam negara yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum dan terpisah oleh laut maka peranan penyiaran adalah besar sekali dalam memupuk rasa persefahaman, persaudaraan serta perpaduan di antara seluruh golongan rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini negara kita sedang menghadapi berbagai masalah baik dari bidang ekonomi, politik dan juga pembangunan. Dari segi ekonomi, kita sedang melalui satu keadaan yang genting akibat dari kemerosotan ekonomi dunia. Harga barang-barang mentah kita di pasaran dunia telah jatuh dan hasil pendapatan negara sangat berkurangan. Ini menyebabkan Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan terutama perbelanjaan berulang tiap-tiap tahun.

Dalam pada itu kita juga menghadapi tekanan inflasi. Bagi mengurangkan tekanan ini saya telah menggesa rakyat supaya berjimat dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak mustahak selain daripada berusaha memenuhi keperluan sehari-hari seperti sayur dan buah-buahan dengan menanam sendiri di kawasan rumah mereka. Dengan cara itu rakyat seluruhnya dapat menambahkan pengeluaran barang-barang makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan serta ternakan dan menjimatkan wang dari mengalir ke luar negeri.

Sebagaimana saya katakan tadi, langkah berjimat ini tidaklah bermakna bahawa projek-projek pembangunan akan terlibat. Projek-projek pembangunan akan terus berjalan untuk memberi faedah kepada rakyat seluruhnya.

Dari segi keselamatan juga, kita sedang menghadapi ancaman dari anasir-anasir subversif and anti-nasional yang sentiasa cuba menimbulkan kekacauan dalam negara. Salah satu daripada tektik yang digunakan mereka ialah menyebarkan khabar-khabar angin dan dakyah palsu dengan tujuan menimbulkan perasaan curiga dan sangsi di kalangan rakyat. Dalam negara yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum seperti negara kita, khabar-khabar dan dakyah jahat ini boleh merosakkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat serta kemajuan yang telah kita capai kecuali keadaan sebenarnya dapat disebarikan melalui alat-alat penyiaran seperti radio dan talivisyen untuk menentang dakyah-dakyah itu. Maka adalah menjadi tugas penyiaran untuk menghapuskan segala dakyah jahat itu melalui peperangan saraf dan membawa rakyat ke pihak Kerajaan.

Saya rasa bangga bahawa langkah-langkah perang saraf ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pegawai-pegawai Jabatan Penyiaran walaupun kadangkala terpaksa menghadapi serba kekurangan dalam alat-alat yang diperlukan. Stesyen-stesyen di Limbang dan Sibuan dan sekarang ini di Miri tidak syak lagi dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan. Kerajaan akan terus berusaha setakat yang terdaya olehnya untuk menyediakan segala peralatan yang lengkap dan moden yang diperlukan untuk saudara-saudara menjalankan tugas memenangi hati rakyat ini dengan berkesan.

Sebagai anggota badan penyiaran, saudara-saudara juga hendaklah sentiasa berhubung dan berdamping rapat dengan orang ramai. Hanya dengan cara demikian dapat diketahui kehendak dan keperluan rakyat. Dengan jalan ini juga maka segala yang disiarkan tentu mendapat sambutan baik dan mengurangkan jurang "credibility gap" di antara Kerajaan dengan rakyat. Dan anggota badan penyiaran mestilah menjadi sebahagian daripada masyarakat di mana ia tinggal. Ia hendaklah menyesuaikan diri dengan kehendak dan aspirasi masyarakat demi mencapai hasrat dan cita-cita rakyat dan negara.

Stesyen di Miri ini adalah menjadi simbol peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota sebaran am. Ia merupakan penglibatan mereka dalam masyarakat yang mereka sedang berkhidmat. Saya suka menyeru penduduk-penduduk Miri dan kawasan sekitarnya yang mendapat khidmat dari stesyen ini supaya menganggap stesyen ini sebagai sebahagian daripada pembaharuan dalam masyarakat mereka dari mana mereka dapat menikmati acara-acara hiburan sambil mengetahui perkembangan-perkembangan yang pesat berlaku di negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya suka menyeru kepada semua yang berkenaan supaya memainkan peranan masing-masing dengan penuh dedikasi kerana dengan cara yang demikian dapat menjamin kejayaan segala usaha yang kita lakukan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Komplek Radio/TV di Miri ini.